

CLARIMYCIN FILM COATED TABLET

Clarithromycin (250mg, 500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan CLARIMYCIN FILM COATED TABLET
2. Bagaimana CLARIMYCIN FILM COATED TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan CLARIMYCIN FILM COATED TABLET
4. Cara menggunakan CLARIMYCIN FILM COATED TABLET
5. Semasa menggunakan CLARIMYCIN FILM COATED TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan CLARIMYCIN FILM COATED TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan CLARIMYCIN FILM COATED TABLET

CLARIMYCIN FILM COATED TABLET digunakan untuk merawat jangkitan bakteria, termasuk yang berikut:

- jangkitan pada saluran *nosepharyn* (*tonsilitis, pharyngitis*), dan sinus paranasal.
- jangkitan pada saluran pernafasan seperti bronkitis, pneumonia bakteria dan pneumonia atipikal.
- merawat jangkitan kulit seperti *impetigo, erysipelas, folliculitis, furunculosis* dan luka septik.

Bagaimana CLARIMYCIN FILM COATED TABLET berfungsi

CLARIMYCIN FILM COATED TABLET ialah sejenis antibiotik yang tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali *macrolide*. Ubat ini berkesan dengan membunuh serta menghentikan pertumbuhan bakteria yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum menggunakan CLARIMYCIN FILM COATED TABLET

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan CLARIMYCIN FILM COATED TABLET jika:

- anda pernah mempunyai reaksi alahan terhadap ubat yang mengandungi clarithromycin dan antibiotik lain yang tergolong dalam kumpulan *macrolide*. Simptom-simptom tindak balas alahan termasuk ruam kulit, gatal-gatal, sukar bernafas atau pembengkakan muka, bibir atau lidah, yang mengakibatkan kesukaran dalam menelan atau bernafas.

- anda mempunyai penyakit jantung atau denyutan jantung yang tidak teratur.
- anda mengalami gangguan elektrolit.
- anda mengambil ubat seperti terfenadine, yang biasanya digunakan untuk merawat reaksi alahan.

-Sebelum menggunakan CLARIMYCIN FILM COATED TABLET

Beritahu doktor jika anda alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pewarna atau pengawet.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mempunyai penyakit buah pinggang atau hati.

Mengandung atau menyusukan anak

Sila rujuk kepada doktor anda sebelum menggunakan CLARIMYCIN FILM COATED TABLET jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak, atau berhasrat untuk menyusukan anak. Doktor anda akan mempertimbangkan risiko pengambilan CLARIMYCIN FILM COATED TABLET berbanding manfaat yang diharapkan kepada anda.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat mungkin menganggu cara CLARIMYCIN FILM COATED TABLET berfungsi. Ini termasuk ubat seperti berikut:
- theophylline, ubat untuk asma
- carbamazepine, ubat untuk sawan
- digoxin, ubat untuk penyakit jantung
- warfarin, ubat untuk penipisan darah
- terfenadine, ubat untuk reaksi alahan

Doktor anda atau ahli farmasi mungkin mempunyai maklumat yang lanjut mengenai perkara perlu diberi perhatian dan perkara yang perlu dielakkan semasa mengambil ubat.

Cara menggunakan CLARIMYCIN FILM COATED TABLET

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: satu 250mg setiap 12 jam. Untuk keadaan jangkitan yang serius, dos boleh ditambah sehingga 500mg setiap 12 jam.

Doktor anda akan memberi preskripsi yang rendah untuk anda jika anda mempunyai masalah buah pinggang.

-Bila perlu digunakan

CLARIMYCIN FILM COATED TABLET perlu diambil mengikut masa yang dicadangkan oleh doktor anda atau ahli farmasi.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan CLARIMYCIN FILM COATED TABLET selagi mana yang diarahkan oleh doktor anda. Ia boleh mencecah sehingga 6- 14 hari mengikut kadar jangkitan.

Jangan berhenti menggunakan ubat ini, walaupun anda merasa lebih baik selepas beberapa hari, melainkan sekiranya disarankan oleh doktor anda. Jangkitan anda mungkin tidak akan hilang sepenuhnya jika anda berhenti penggunaannya terlalu awal.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos tersebut secepat mungkin. Namun begitu, jika masa pengambilannya sudah hampir kepada dos yang seterusnya, lupakan dos tersebut and ambil secara normal mengikut jadual. Jangan mengambil dos secara dua kali ganda untuk mengkompensasikan dos yang terlupa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital yang terdekat, jika anda merasakan anda atau orang lain mungkin mengambil dos yang berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan CLARIMYCIN FILM COATED TABLET

-Perkara yang perlu dilakukan

Iikut arahan doktor anda ketika anda mengambil CLARIMYCIN FILM COATED TABLET.

Sekiranya anda mengalami cirit birit yang teruk, beritahu doktor anda atau ahli farmasi dengan segera.

Beritahu doktor anda jika anda mengandung semasa menggunakan CLARIMYCIN FILM COATED TABLET.	Maklumat lanjut <u>-Rupa dan warna produk</u> CLARIMYCIN FILM COATED TABLET 250MG: Tablet berbentuk segiempat berwarna kuning terang, sebelah bahagian bertanda "YSP 25". CLARIMYCIN FILM COATED TABLET 500MG: Tablet berbentuk segiempat berwarna kuning muda, sebelah bahagian bertanda "YSP 50".	CLARIMYCIN FILM COATED TABLET 500MG: Tablet berbentuk segiempat berwarna kuning muda, sebelah bahagian bertanda "YSP 50".	Pengilang Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd. Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor D.E., Malaysia.
<u>-Perkara yang tidak boleh dilakukan</u> Memandu dan menggunakan jentera Perhatian diperlukan ketika memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana CLARIMYCIN FILM COATED TABLET memberi kesan kepada anda.	<u>-Bahan-bahan kandungan</u> -Bahan aktif Clarithromycin -Bahan tidak aktif- CLARIMYCIN FILM COATED TABLET 250MG: Povidone Croscarmellose Sodium Polyethylene Glycol Quinolone Yellow Cellulose Dimethylpolysiloxane Talc Cellulose Sodium Starch Hydroxypropyl Methylcellulose Isopropyl Alcohol Stearic Acid Sodium Starch Glycolate Magnesium Stearate Titanium Dioxide Aerosil Sorbic Acid Sorbitan Trioleate Purified Water	CLARIMYCIN FILM COATED TABLET 250MG: Povidone Croscarmellose Sodium Polyethylene Glycol Quinolone Yellow Cellulose Dimethylpolysiloxane Talc Cellulose Sodium Starch Hydroxypropyl Methylcellulose Isopropyl Alcohol Stearic Acid Sodium Starch Glycolate Magnesium Stearate Titanium Dioxide Aerosil Sorbic Acid Sorbitan Trioleate Purified Water	Pemegang Pendaftaran Produk Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd. Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Kesan-sesan sampingan Beritahu doktor anda atau ahli farmasi secepat mungkin jika anda merasakan tidak sihat semasa pengambilan CLARIMYCIN FILM COATED TABLET.	CLARIMYCIN FILM COATED TABLET mampu merawat jangkitan bagi kebanyakan orang, tetapi ia mungkin mempunyai kesan sampingan yang tidak diingini. Sesetengah mungkin serius, namun kebanyakannya tidak serius. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami kesan sampingan, seperti cirit birit, muntah, sakit badan, loya, sakit kepala, perubahan deria rasa, reaksi alahan seperti gatal-gatal dan letusan kulit yang ringan sehingga <i>anaphylaxis</i> (reaksi alahan yang teruk), kegelisahan, pening, insomnia, halusinasi, dan kekeliruan.	CLARIMYCIN FILM COATED TABLET 500MG: Cellulose Isopropyl Alcohol Stearic Acid Croscarmellose Sodium Sodium Starch Glycolate Purified Water Povidone Talc Cellulose Sodium Starch Polyethylene Glycol Magnesium Stearate Opadry II Yellow Aerosil Sorbic Acid Sorbitan Trioleate	Tarikh kemaskini RiMUP 25/02/2016
Nombor Siri BPK(R4/1)160216/00039			
Cara penyimpanan dan pelupusan CLARIMYCIN FILM COATED TABLET <u>-Penyimpanan</u> Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.	<u>-Penyimpanan</u> Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.	<u>-Pelupusan</u> CLARIMYCIN FILM COATED TABLET perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah lalup tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.	<u>-Nombor MAL</u> CLARIMYCIN FILM COATED TABLET 250MG: MAL07124607AZ